


Jilid III
Bil. 16



MALAYSIA

Hari Rabu
11hb Julai, 1973

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1819]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 1855]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973) [Ruangan 1856]

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 4), 1972 dan (Tambahan) (Bil. 1), 1973 [Ruangan 1856]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Sara Hidup Yang Melambung Tinggi [Ruangan 1912]

SIARAN PARTI KOMINIS MALAYA

33. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandang kepada hal bahawa pada masa yang lampau, kita ada mendengar berita-berita dan siaran-siaran melalui radio dan lain-lain alat bahawa Republik Rakyat Cina memberi sokongan kepada Parti Kominis Malaya dan telah didengar mengkritik dasar Kerajaan Malaysia, adakah perkara ini akan berlaku lagi oleh kerana tidak berapa lama lagi kita akan mengadakan hubungan diplomatik dengan negara itu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Apabila masanya sampai, Ahli Yang Berhormat boleh mendapat jawapannya.

**BADAN BERKANUN—
PEMBANGUNAN**

34. Tuan Luhut Wan minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan memberi jaminan supaya Badan-badan Berkanun seperti MARDI, FAMA, S.E.D.C. dan Bank Pertanian memberi perhatian yang lebih berat lagi kepada pembangunan luar bandar di Sarawak untuk memajukan kawasan-kawasan luar bandar dan memperbaiki kehidupan penduduk-penduduk luar bandar di negeri itu.

Perdana Menteri: Badan-badan Berkanun seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sememangnya memberi perhatian berat terhadap pembangunan luar bandar di Sarawak.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG
PERKAPALAN SAUDAGAR
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Perkapalan Saudagar, 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perhubungan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
MAKLUMAT PEKERJAAN
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Ordinan Maklumat Pekerjaan, 1953; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS
AMANAH RAKYAT (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN
(1972 dan 1973)****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (10hb Julai, 1973).

DAN

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
(TAMBAHAN) (BIL. 4), 1972 dan
(TAMBAHAN) (BIL. 1), 1973****(Usul)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$39,097,976 dan satu jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$210,568,369 dibelanjakan